

19/01/2001

Abdul Hamid akan kemuka nama pengganti

KUALA LUMPUR, Khamis - Cadangan nama Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) yang baru akan diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi.

Perdana Menteri kemudian akan membuat keputusan muktamad berdasarkan senarai yang dikemukakan itu bagi menggantikan Ketua Pengarah Jakim, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin yang kini dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Abdul Hamid yang dihubungi hari ini mengesahkan beliau akan mengemukakan cadangan nama pengantinya itu kepada Dr Mahathir.

"Kita tunggu sedikit masa lagi," katanya apabila ditanya bila pengumuman itu akan dilakukan.

Beliau enggan memberi sebarang petunjuk sama ada Ketua Pengarah Jakim yang baru nanti dilantik daripada kalangan pihak atasan jabatan itu sendiri atau orang luar.

Abdul Hamid menganggotai Kabinet yang diumumkan semalam bagi menggantikan Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman.

Sementara itu, antara nama yang disebut-sebut sebagai Ketua Pengarah Jakim yang baru ialah Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam (Ikim), Datuk Dr Ismail Ibrahim dan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jakim, Mohamad Shahir Abdullah.

(END)